

# LUKA SEORANG KAWAN

*Nur Ayuni Azmy*

1201874

Universiti Sains Islam Malaysia

Angin sepoi-sepoi bahasa menyapa tubuh Najihah yang sedang menghadap balkoni di resort yang disewanya. Percutiannya di Pulau Redang, Terengganu itu bukanlah sekadar percutian biasa. Selain untuk merehatkan tubuh setelah penat bekerja, dia juga mempunyai tujuan yang lain. Milo yang sudah sejuk itu, dihirupnya perlahan. Dia melihat kejernihan air laut yang tenang. Sedikit sebanyak dapat menenangkan hatinya yang sedang berkecamuk. Ingatannya terimbas pada peristiwa yang berlaku sebelum dia mengambil keputusan untuk bercuti.

“Macam mana awak buat kerja ni, kenapa banyak sangat kesilapan dalam *proposal* awak ni?” Marah Datin Rosemaria, yang merupakan bos di tempat kerja Najihah. Dia hanya mendiamkan diri dan tertanya-tanya kenapa banyak pula kesilapan yang ada dalam *proposal* tersebut. Jika tidak silap, sudah banyak kali dia menyemak dan menyunting *proposal* itu.

“Saya tak tahu apa masalah awak dan saya nak awak perbetulkan semula dan hantar kepada saya, jika awak gagal, *you will be fired!!!*” marahnya lagi lalu mencampakkan *proposal* itu di hadapan Najihah. Dengan perasaan malu, Najihah pergi ke tandas untuk membasuh mukanya yang sudah merah kerana menangis.

Najihah merasakan bahawa ada antara rakan sepejabat yang mengkhianatnya tetapi dia tidak mempunyai bukti untuk menuduh sesiapa. Malam itu, Najihah pulang lewat untuk menyiapkan *proposal* yang telah diminta. Pada pukul sebelas malam, dia bersiap-siap untuk pulang setelah berjaya menyiapkan *proposal*. Najihah menutup suis kipas dan lampu, lalu

segera beredar pulang. Apabila tiba di tingkat satu bangunan pejabat itu, dia tersedar yang dia terlupa untuk mengambil telefon bimbitnya yang diletakkan di atas meja. Dia berpatah balik untuk mengambil telefon bimbit, dan tiba-tiba, terdengar sesuatu berdekatan meja kerjanya.

Strettt!!! Bunyi kerusi dialihkan. Najihah bersembunyi di belakang dinding lalu melihat ada seseorang sedang menukar dokumennya. Dia merakam perbuatan orang tersebut.

“Apa yang awak buat di meja kerja saya?” sergah Najihah. Keadaan pejabat yang gelap, memaksanya untuk membuka lampu suluh di telefon bimbitnya.

“Err, tiada apa, mana ada saya buat apa-apa.” Dia berkata dalam agak ketakutan ketika itu. Najihah melihat dia sedang menyorokkan sesuatu di belakangnya.

“Apa yang awak sorokkan tu? Baik awak beritahu saya, sebelum saya ambil tindakan ke atas awak!” Najihah memberi amaran.

“Maafkan saya, cik, saya sebenarnya diupah oleh seseorang untuk menjatuhkan cik, benda yang saya pegang ini ialah *proposal* cik, saya terpaksa melakukan semua ini kerana saya orang susah cik, upah yang diberikan kepada saya cukup lumayan” katanya dengan perasaan serba salah.

“Allahuakbar, boleh saya tahu siapa yang hendak menjatuhkan saya tu? *By the way*, siapa nama awak?” Najihah bertanya.

“Nama saya Hisyam, yang hendak menjatuhkan cik ialah rakan baik cik sendiri, Aqilah.” Jawabnya. Bagaikan hendak luruh jantung Najihah, dia seakan-akan tidak percaya dengan apa yang didengarinya tadi. Aqilah merupakan rakan baiknya sejak kecil lagi, tidak dia sangka Aqilah akan menikam belakangnya.

“Saya maafkan awak, terima kasih menceritakan hal sebenar kepada saya, cuma saya hendak berpesan, apa yang awak buat ni salah dan jangan buat lagi benda ni di masa akan

datang ya, ambillah, saya sedekahkan pada awak,” dengan nada sedih Najihah berkata dan menghulurkan wang kepadanya.

“Terima kasih, cik, cik sungguh berhati mulia, saya berjanji tidak akan mengulangi perbuatan ini lagi, katanya lagi. Mereka akhirnya bersama-sama beredar pulang. Setibanya di rumah, Najihah merehatkan diri di atas sofa lalu menangis. Sepanjang tiga puluh tahun berkawan, banyak kenangan yang telah mereka bina bersama dan dia sangat beruntung mempunyai kawan sepertinya. Najihah bertekad untuk menelefonnya esok hari.

“Memang *hang* takdak masalah dengan aku tapi aku cemburu dengan kejayaan, kebahagiaan yang *hang* ada, aku nak *hang* rasa susah macam aku rasa!” kata Aqilah ketika Najihah menghubunginya pagi itu. Remuk hatinya bagai kaca terhempas ke batu, Najihah tahu kehidupan Aqilah yang tidak seindah kehidupannya. Kehidupannya yang kais pagi makan pagi kais petang makan petang, dibuli oleh rakan sekolah dan sebagainya. Namun, mereka telah berjanji untuk sentiasa ada ketika susah dan senang. Najihah juga selalu membantunya.

“Aku tahu *hang* dah banyak tolong aku, berkorban untuk aku, tapi sekarang aku dah taknak kawan dengan *hang* lagi, *hang* dengan kehidupan *hang*, aku dengan kehidupan aku, buang semua kenangan kita dulu, maafkan aku, Najihah.” katanya lagi. Aqilah ini berasal dari Kedah, jadi cara percakapannya lain daripada Najihah.

Najihah terus menutup Iphonenya dan mencampakkannya ke atas permaidani yang terbentang di ruang tamu. Begitulah ceritanya, sebelum dia bercadang untuk bercuti di pulau ini, selain itu, dia juga mahu berjumpa bekas seniornya di sini untuk meminta sedikit pendapat. Senior itu bernama Athirah Farzana yang kini merupakan seorang pendakwah yang terkenal di Malaysia.

Pada petang itu, Najihah turun ke pantai untuk bermandi-manda, dan dia juga membawa baldi dan skop kecil untuk membina istana pasir. Dulu, Najihah selalu juga datang ke pantai Teluk Dalam ni bersama Aqilah, malah mereka mempunyai hobi yang sama iaitu menyukai apa sahaja yang berkaitan pantai dan laut. Najihah akan membina istana pasir bersama-samanya, kemudian mengambil gambar bersamanya. Tidak semena-mena, air matanya mengalir perlahan mengenang kenangan mereka bersama.

Najihah membina tapak istana pasir itu dahulu sebelum membina bahagian yang lain. Tiba-tiba, seorang budak perempuan yang comel mendekatinya.

“Antikkknya, kak bina istana tu,” pujinya dalam nada pelat.

“Nama adik siapa? Mana mak dan ayah adik?” Tanya Najihah.

“Amaaa adik Alia, ibu dan ayah adikk ada dekat situ,” jawabnya lagi. Dia membantu Najihah membina istana pasir, kemudian ibu dan ayahnya datang dan meminta maaf jika anak mereka telah mengganggunya. Najihah melihat waktu pada jam tangan Rolex yang dihadiahkan ibu dan ayahnya dan jarum jam sudah menunjukkan angka enam setengah petang. Dia memohon untuk berundur diri pada Alia, ibu dan ayahnya. Sebelum pulang ke resort, dia mengambil kesempatan merakamkan pemandangan matahari terbenam berdekatan pantai Teluk Dalam itu.

Najihah menunaikan solat Maghrib secara bersendirian di ruang tamu resort. Malam ini, dia tidak merancang untuk pergi ke mana-mana. Najihah bercadang untuk menyediakan makan malam ala barbeku di hadapan resort itu. The Taaras Resort and Spa ini menyediakan pelbagai kemudahan kepada penghuninya. Mujur saja dia sempat menempahnya di TripAdvisor.com sebelum resort ini penuh. Najihah memanggang beberapa ketul ayam dan sosej yang telah diperap petang tadi. Dalam diam, dia sedikit berdendam kepada Aqilah atas perbuatan yang dilakukannya dan Najihah melihat api yang sedang marak itu dengan penuh

perasaan marah; membayangkan seolah-olah dia membakar diri Aqilah hingga menjadi abu. Dia tersenyum puas, hati yang sakit umpama dihiris sembilu yang tajam itu sedikit sebanyak terubat dengan membayangkan tindakan membakar dirinya. Setelah siap barbeku, Najihah menghidangkannya di atas meja dan makan dengan berselera. *It been the long day, without you a friend*, lagu *See you again* menghiasi nada deringan Iphonenya. Najihah melihat nama pemanggil dan terus mengangkatnya.

“Najihah, esok kita nak berjumpa di mana ya, dan pukul berapa? tanya ustazah Athirah Farzana kepadanya.

“Esok pukul sepuluh pagi ya ustazah, di kafe Ombak Damai,” jawabnya.

“Baiklah, jumpa esok ya, Najihah”, kata ustazah itu lagi. Najihah mengucapkan selamat tinggal dan mematikan talian. Aku membuka aplikasi *Netflix* di Iphoneku dan memilih untuk menonton movie *Miracle Cell No.7*, sebuah cerita yang sedih, iaitu kisah seorang anak yang memberi pembelaan kepada ayahnya yang dikhianati ketika dia masih kecil, dan yang menyayat hati, ayahnya mati di tali gantung. Setelah beberapa jam menonton filem, aku menutup aplikasi tersebut dan tidur dengan hati yang sayu dan pilu.

Keesokannya, seperti yang dijanjikan Najihah berjumpa dengan ustazah Athirah Farzana di kafe Ombak Damai.

“Saya sakit hati, banyak yang telah saya korbankan dekat kawan saya, rasa macam nak bunuh dia ja, sakit sangat bila kawan yang saya sayang tinggalkan saya macam ni sahaja, dia dah buang saya,” luahnya dengan bahu yang terhijut-hijut menahan sedu-sedan tangisan.

“Saya berharap kamu banyakkkan bersabar, banyakkkan berdoa kepada Allah, insyaAllah semuanya akan baik-baik sahaja,” nasihat ustazah Athirah Farzana.

“Satu yang saya nak kamu ingat, hubungan dengan manusia memang akan terputus, tapi hubungan dengan Allah tidak akan putus, walaupun beribu dosa kamu lakukan kepada Allah, Allah tetap memberi pengampunan kepadamu jika kamu benar-benar bertaubat, banyak dekatkan diri dengan Allah, mungkin kamu terlalu berharap kepada manusia hingga Allah memberimu ujian untuk kamu kembali kepada-NYA, tidak elok kamu menyimpan dendam kepada kawan kamu itu, jangan terlalu mengikut perasaan marah tu, kerana marah itu dari syaitan, kamu buatlah sesuatu agar dapat melupakan hal ini seketika, perbaiki hubungan kamu dengan Allah dan juga keluarga kamu.” Nasihat ustazah Athirah Farzana dengan panjang lebar.

Najihah berfikir panjang tentang kata-kata ustazah Athirah Farzana itu. Memang benar, selama ini dia selalu memarahi ibu, ayah dan adik beradiknya. Ada sahaja perbuatan mereka yang tak kena di matanya. Dia berazam apabila pulang ke Shah Alam semula, dia ingin berubah menjadi anak dan adik yang baik kepada keluargaku.

“Baiklah, ustazah saya akan cuba lakukannya,” kataku dengan nada yang sedih.

“Kamu kuat, Najihah, Allah turunkan ujian kerana DIA sayang kepadamu, jangan berputus asa dan berusahalah menjadi hamba yang baik kepada-NYA,” nasihat ustazah Athirah Farzana lagi. Najihah hanya menganggukkan kepala sebagai tanda faham akan apa yang dinasihatnya. Dia kemudiannya menghulurkan sebuah buku bertajuk *Aku Mahu Move On* karya Kamalia Kamal.

“Bacalah buku ini, moga kamu dapat mengambil pengajaran daripadanya, kata ustazah Athirah Farzana lagi. Setelah selesai sesi perkongsian ilmu selama tiga jam dengan ustazah Athirah Farzana tadi, Najihah memohon diri untuk pulang.

Dia berjalan pulang ke resort dan dia bersyukur kepada Allah kerana menghadirkan insan yang baik-baik dalam hidupnya. Najihah membelek buku yang diberinya tadi dan dia

bertekad untuk melakukan perubahan dalam dirinya dan mengikhhlaskan apa yang jadi  
antaranya dan sahabat baiknya, Aqilah.